

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN TEH KOK LIM**  
**KAWASAN : TAIPING**  
**TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB TUAN TEH KOK LIM** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil dalam usaha memastikan kerja-kerja projek Kerajaan baru dilaksanakan dengan kos yang lebih berpatutan demi kepentingan semua rakyat.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha memastikan projek Kerajaan baru dilaksanakan dengan kos yang lebih berpatutan demi kepentingan semua rakyat maka semua perolehan bagi projek kerajaan akan ditawarkan secara tender terbuka seperti mana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Di samping itu pula, pihak Kementerian akan melaksanakan Makmal Pengurusan Nilai (Value Management Workshop) bagi setiap projek dengan kos yang melebihi RM50 juta, sebagaimana yang telah diwajibkan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Makmal Pengurusan Nilai merupakan satu *management tool* di dalam pelaksanaan projek untuk mencapai nilai untuk wang (value for money) bagi setiap projek.

Sekian, terima kasih.